



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

KENYATAAN MEDIA

TAKWIM PARLIMEN BAGI PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KE-14

1. Takwim Parlimen bagi Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 telah ditunda daripada Isnin, 9 Mac 2020 kepada Isnin, 18 Mei 2020. Penundaan ini mengambil kira pelbagai faktor, terutamanya pelantikan barisan Menteri dan Timbalan Menteri yang sedang dimuktamadkan.
2. Penundaan juga bagi memberi masa yang munasabah untuk barisan kabinet memahami tugas kementerian dan jabatan masing-masing. Ia juga membolehkan Menteri-Menteri yang dilantik bersedia untuk menjawab soalan Waktu Pertanyaan Menteri (MQT); pertanyaan lisan; perbahasan; pembentangan rang undang-undang, dan usul-usul apabila Parlimen bersidang.
3. Penundaan turut memberi peluang kepada Ahli-Ahli Parlimen untuk mengemukakan pertanyaan jawab lisan dan bukan lisan serta usul-usul baharu agar relevan dengan isu-isu semasa negara. Selain itu, ia juga bagi memastikan urusan-urusan pentadbiran di Parlimen berjalan dengan lancar.
4. Penyediaan Takwim Parlimen bagi Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 dilaksanakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat yang berkaitan, dan ia turut disahkan teratur oleh YB Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
5. Institusi Parlimen hendaklah dihormati oleh segenap lapisan rakyat, termasuk oleh Ahli-Ahli Parlimen sendiri.

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
5 MAC 2020**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03-88723437 / 03-88723434